



**Pekeling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan
Bilangan 5/1999**

**Maklumat Yang Perlu Dikemukakan Kepada Jabatan Penilaian Dan
Perkhidmatan Harta Untuk Permohonan Laporan Penilaian Bagi
Maksud Pengambilan Tanah**



**JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR
PUTRAJAYA**

© Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, 2010

Hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.

Maklumat Dokumen

Tajuk dokumen	Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Bilangan 5/1999
Disediakan oleh	Seksyen Kajian Penyelidikan dan Pembangunan, Bahagian Kemajuan Pengurusan dan Perundangan, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Alamat	Aras 4, Blok Menara, Wisma Sumber Asli, Presint 4, No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62574 Kuala Lumpur
Telefon	03-88712668
Faks	03-88810802
E-mel	skpp@kptg.gov.my
Kategori dokumen	Terbuka
Tarikh kuat kuasa	1 Januari 2010

Kawalan Versi Dokumen

Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan
Bilangan 5/1999

**Maklumat Yang Perlu Dikemukakan Kepada Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan
Harta Untuk Permohonan Laporan Penilaian Bagi Maksud Pengambilan Tanah**

Pekeliling ini dikeluarkan untuk menasihatkan Pentadbir-pentadbir Tanah mengenai maklumat yang perlu dikemukakan kepada Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) apabila memohon laporan penilaian daripada Jabatan tersebut.

2. Laporan penilaian dari JPPH adalah diperlukan oleh Pentadbir Tanah sebagai asas menentukan harga pasaran tanah bagi tujuan membuat award pampasan. Antara sebab-sebab kelewatan penyediaan laporan penilaian adalah kerana Pentadbir Tanah tidak memberi butir-butir tanah yang lengkap yang boleh membantu JPPH mempercepatkan penyediaan laporan tersebut.

3. Untuk mengatasi kelewatan yang berlaku, Pentadbir Tanah adalah dinasihatkan supaya memohon laporan penilaian dengan mengemukakan sesalinan *Warta* di bawah seksyen 8 (Borang D) Akta Pengambilan Tanah (APT) 1960 [Akta 486] bersama-sama dengan dokumen-dokumen berikut:-

- a) sesalinan fotostat dokumen hakmilik daftar yang disahkan betul atau sijil carian rasmi; atau
- b) mengisi borang seperti di **Lampiran A** sekiranya dokumen hakmilik daftar telah rosak, terlalu besar untuk dibuat salinan atau sebagainya (sesalinan borang bagi setiap lot),

4. Selaras dengan peruntukan di bawah seksyen 9A dan sub-perenggan 1(2BA) Jadual Pertama, APT 1960, maklumat kegunaan tanah sebagaimana yang ditentukan dalam pelan pembangunan perlu juga dikemukakan kepada JPPH. Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 4/1999 yang bertajuk "Maklumat Perancangan Bagi Tujuan Penentuan Pampasan di bawah seksyen 9A Akta Pengambilan Tanah 1960" adalah berkaitan.

5. Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 2/1979 yang bertajuk "Butir-butir Yang Perlu Disertakan Bersama Semasa Pemungut Hasil Tanah Meminta Nilaian Tanah Milik Dari Jabatan Penilaian" adalah dengan ini dibatalkan.

6. Pekeliling ini dikeluarkan dengan persetujuan semua Pengarah Tanah dan Galian Negeri dan Jabatan Peguam Negara dan berkuat kuasa mulai tarikh dikeluarkan.



(DATO' WAN ABDUL WAHID BIN HJ. WAN HASAN)
Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan

No. Fail: KTPK/101/SPT/799
Tarikh: 25 JUN 1999

**MAKLUMAT YANG PERLU DIKEMUKAKAN KEPADA JABATAN PENILAIAN DAN
PERKHIDMATAN HARTA UNTUK PERMOHONAN LAPORAN PENILAIAN BAGI MAKSUD
PENGAMBILAN TANAH**

Negeri: _____ Daerah: _____ *Mukim/Pekan/Bandar: _____

Tujuan penilaian disediakan: _____

Pengisytiharan Dalam *Warta* Kerajaan:

Seksyen 4 No. *Warta*: _____ Tarikh: _____

Seksyen 8 No. *Warta*: _____ Tarikh: _____

No. Lot	No. Hakmilik	Tuanpunya Tanah Berdaftar	Luas Lot	Luas Tanah Yang Hendak Diambil	Kategori Kegunaan Tanah

Syarat Nyata: _____

Sekatan Kepentingan: _____

Bebanan: _____

Tarikh Pindahmilik Yang Terakhir: _____

Tarikh Pengambilan Tanah Yang Terdahulu: _____

Lain-lain _____

Tarikh:
(Pentadbir Tanah)

*potong yang berkenaan.